

**Dr Surin** terima Anugerah  
Ijazah Kehormat UPM

## Latar belakang Dr Surin Pitsuwan

■ Dilahirkan pada 28 Oktober 1949 dari keturunan keluarga Melayu.

■ Pendidikan awal bermula di sekolah rendah dan menengah di wilayahnya sebelum melanjutkan pengajian ke Universiti Thammasat selama dua tahun dan kemudian menerima biasiswa daripada kolej lelaki Claremont College di California.

■ Ijazah pertama BA Sains Politik (1972) Claremont College California, Ijazah Sarjana 1974 dan PhD 1982 daripada Universiti Harvard.

■ Setiausaha Agung Asean dari 7 Januari 2008 hingga kini.

■ Negarawan tersohor di Asean yang memperjuangkan isu demokrasi, pembangunan lestari dan keselamatan kemanusiaan.

■ Ahli Parlimen Thailand selama lapan penggal bermula 1986.

■ Mantan Menteri Luar Thailand sebelum menjawat jawatan Setiausaha Agung Asean.

■ Pernah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari Universiti Bristol UK pada 30 Mac 2008 yang lalu.

UPM menganugerahkan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi kepada Dr Surin Pitsuwan berdasarkan kepada justifikasi beliau sebagai Setiausaha Agung ASEAN sejak 7 Januari 2008 hingga kini dan dikenali sebagai negarawan tersohor di ASEAN yang memperjuangkan isu demokrasi, pembangunan lestari dan keselamatan manusia.

Beliau adalah seorang Ahli Parlimen Thailand selama lapan penggal bermula pada 1986, mantan Menteri Luar Thailand sebelum menjawat jawatan sebagai Setiausaha Agung ASEAN dan pernah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari University of Bristol, United Kingdom pada 30 Mac 2008.

Selain itu, Dr Surin dijangka berupaya meningkatkan jaringan UPM di rantau ASEAN dan global menerusi peranannya sebagai Setiausaha Agung ASEAN.

Melalui keupayaan itu, UPM boleh menjalankan penyelidikan berkaitan Sekretariat ASEAN.

Dr Surin yang juga alumni Harvard University dijangka dapat membantu UPM menjalin kerjasama dengan Universiti itu melalui pelbagai bidang yang berkepentingan bagi kedua belah pihak.

Usaha ini penting untuk meningkatkan rangkaian UPM dengan institusi antarabangsa dan melonjak usaha pengantarabangsaan bagi aktiviti penyelidikan, pengajaran dan perkhidmatan profesional yang ditawarkan UPM.



### BIODATA DR SURIN

DR Surin Pitsuwan, 59, adalah seorang yang sangat disegani di rantau Asean ini. Berasal dari wilayah Nakhon Sri Thammarat, beliau sudah bergiat dalam dunia politik sejak beberapa lama. Kini Dr Surin adalah Naib Ketua Parti Demokrat Thailand.

Kemudian dia mengajar di Fakulti Sains Politik di Universiti Thammasat dari 1978 hingga 1983 dan 1984 hingga 1986, menjadi Pembantu Akademik Dekan sebelum dilantik Naib Canselor Perhubungan Akademik di universiti itu.

Bermula 1986, kerjayanya berubah daripada seorang ahli akademik kepada ahli politik sehingga terpilih ke Parlimen Thailand mewakili wilayahnya Nakhon Sri Thammarat pada 1986.

Pada 1992 hingga 1995 beliau dilantik Timbalan Menteri Luar Thailand dan kemudian dilantik Menteri Luar dari 1997 hingga 2001.

Sebagai Menteri Luar, Dr Surin berjaya mendapatkan sokongan antarabangsa untuk menyelamatkan Thailand daripada beberapa

krisis ekonomi pada 1997.

Beliau juga dilantik memengerusikan Forum Serantau Asean (ARF) pada 1999-2000. Pada September 1999, dia mengetahui usaha kerajaan rantau Asia Tenggara dengan sokongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa membantu mengekalkan undang-undang dan arahan di Timur Timor.

Sebagai pemimpin politik, Dr Surin Pitsuwan berjaya menerapkan nilai demokrasi dan hak kemanusiaan di negaranya.

Pada 1998, sebaik saja mengambil alih Menteri Luar Thailand, dia mengemukakan idea 'Perjanjian Flesibel' yang akhirnya menjadi tetap dalam diplomasi di Asia.

Idea ini adalah untuk menggalakkan Asean supaya tidak malu atau ragu-ragu dalam menyuarakan masalah dan memberi pandangan dalam kelompok satu negara satu bangsa. Beliau juga menjelajah ke seluruh dunia bercakap bagi pihak Asia dengan mengetengahkan Asia sebagai rantau kosmopolitan menerusi nilai demokrasi global, pembangunan mampan dan keselamatan manusia.

Selepas meninggalkan portfolio menteri pada pertengahan 2001, Dr Surin dilantik sebagai anggota Suruhanjaya PBB dalam Keselamatan Manusia yang dipengerusikan oleh Nobel Laureate Amartya Sen, dan bekas Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian, Sadako Ogata dari Jepun.

Pada masa sama, Dr Surin juga menjadi anggota Suruhanjaya Dimensi Sosial

Globalisasi, anggota Lembaga Penasihat Antarabangsa bagi Majlis Perhubungan Luar, anggota Lembaga Penasihat Antarabangsa bagi Kumpulan Krisis Antarabangsa (ICG) dan anggota Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Asia.

Pada 1 Januari 2008, Dr Surin dilantik sebagai Setiausaha Agung Asean dalam tempoh lima tahun. Ketika beliau mengambil alih jawatan itu, banyak perubahan besar sedang berlaku di rantau ini dan di peringkat global berikutan peningkatan kuasa ekonomi Asia yang diterajui oleh Jepun dan China dan kemudian India yang merubah bukan saja suasana ekonomi global tetapi juga politik dan seni bina strategik politik dunia.

Tugasnya ialah mengekalkan posisi Asean sebagai komuniti serantau yang kohesif, mengetengahkan banyak idea dan pendekatan dalam membantu mengatasi perubahan yang kompleks di samping mengekalkan imejnya sebagai pemacu jenama baru kosmopolitan serantau.

Sebagai Muslim, Dr Surin sentiasa berhubung rapat dengan sekolah-sekolah yang diasaskan datuknya sejak 66 tahun dulu yang kini menjadi model menyalurkan pendidikan integrasi berkualiti kepada pelajar Islam serta menjadi jambatan yang menghubungkan jurang Islam dengan dunia moden.

Akhirnya, Dr Surin juga adalah anggota Bank Pembangunan Islam 2020 Suruhanjaya Wawasan di bawah kepimpinan Tun Dr Mahathir yang juga rakan baik sejak sekian lama Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi